# Bernama - Harga RON97 Turun 9 Sen, RON95 Dan Diesel Kekal

Isnin, Jan 20 2020

**KUALA LUMPUR, 17 JAN** -Harga runcit petrol RON97 turun 9 sen kepada RM2.53 seliter, manakala RON95 dan diesel masing-masing kekal pada RM2.08 dan RM2.18 seliter, berkuat kuasa tengah malam ini hingga 24 Jan.

Kementerian Kewangan dalam kenyataan hari ini memaklumkan berdasarkan pengiraan mengikut formula Mekanisme Harga Automatik (APM), harga runcit petrol RON95 dan diesel bagi tempoh itu sepatutnya ialah masing-masing RM2.23 dan RM2.33 seliter.

"Ini menunjukkan penurunan dari minggu lepas bagi harga runcit produk petrol RON95 yang berada pada paras RM2.32 seliter dan diesel yang berada pada paras RM2.46 seliter.

"Namun, harga runcit bagi kedua-dua produk dikekalkan pada paras RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter selaras dengan keputusan kerajaan untuk menangguhkan Program Subsidi Petrol," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu turut menyebut dengan pengekalan harga runcit bagi kedua-dua produk itu, anggaran subsidi yang perlu ditanggung oleh kerajaan dalam tempoh 18 Jan sehingga 24 Jan 2020 berjumlah RM74.70 juta.

-- BERNAMA

Pekeliling Perbendaharaan
Prihatin
BISNES
AGENSI
WARGA

## Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro

e-Penyertaan & Maklumbalas

Statistik & Prestasi

Pautan

Agensi

## Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia

No. 5 Persiaran
Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran
Kerajaan
Persekutuan,
62592 WP
PUTRAJAYA

 03-8000 8000
 03-88823893 /
03-88823894

twitter

Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian | Peta Laman | Bantuan | Arkib | Undian
Hakcipta Terpelihara © 2020 Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.
Kemaskini terakhir: 18 Mac 2021 | Jumlah Pelawat: 27637216

KONSOL DEBUG JOOMLA!

Sesi

Maklumat Profil

Penggunaan Memori

Pertanyaan Pangkalan data